

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN (SUBANG)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- a. jumlah permohonan taraf kewarganegaraan yang diluluskan daripada jumlah permohonan taraf kewarganegaraan semasa, sejak bulan Mac 2020 hingga Oktober 2020; dan
- b. adakah perubahan dasar-dasar Kerajaan mengenai syarat kelayakan taraf kewarganegaraan sejak bulan Mac 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

- a. Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi tempoh dari 1 Mac hingga 15 Oktober 2020, sebanyak 1,841 permohonan kewarganegaraan di bawah semua Perkara Perlembagaan Persekutuan telah diterima. Daripada jumlah permohonan berkenaan, sebanyak dua (2) permohonan telah diluluskan dan 1,770 permohonan sedang diproses. Manakala, sebanyak 69 permohonan telah dibatalkan kerana tidak memenuhi syarat.
- b. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang perubahan dasar Kerajaan dalam syarat kelayakan permohonan kewarganegaraan Malaysia sejak bulan Mac 2020. Setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Kementerian diproses dan dipertimbangkan berdasarkan pematuhan syarat dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa.